

Mahathir harap parti2 BN tidak persoal calon sesuatu kawasan

28 AUG 1990

BERUAS 27 Ogos — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berharap parti-parti komponen Barisan Nasional tidak akan mempersoalkan calon-calon yang akan ditempatkan di dalam sesuatu kawasan pilihanraya akan datang, walaupun keahlian parti tersebut di situ kurang majoritinya.

Perdana Menteri selaku Pengerusi Barisan Nasional berkata, sebagai contoh kawasan Parlimen Beruas, BN meletakkan calonnya terdiri daripada Parti Gerakan walau parti itu tidak ramai ahli, tetapi setiap parti komponen tetap menyokongnya.

"Barisan Nasional sentiasa tolong menolong, kita sokong pencalonan ini kerana di tempat lain juga itu menyokong kita, maka sebab itu, bila kita calonkan seseorang calon komponen, kita harap tidak ada soalan tentang siapa dia calon-calon," tegasnya.

Berucap di hadapan ribuan rakyat sempena perhimpunan rakyat di padang bola Kampung Bakar Bata di sini, beliau menarik perhatian, 'sebab itu di dalam buku cenderamata yang diedarkan di perhimpunan ini menekankan untuk pilih rakyat dan bukan wakil rakyat sahaja'.

Menteri Besar Perak, Tan Sri Ramli Ngah Talib termasuk beberapa orang pemimpin Barisan Nasional turut berucap di majlis tersebut.

Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad bangga sejak kerajaan Barisan Nasional memerintah negara ini selama 33 tahun, ia telah berjaya membangunkan negara ini jauh lebih pesat daripada zaman penjajah.

Sebaliknya kebanyakan negara apabila telah

mencapai kemerdekaan 'menjadi lebih mundur, tetapi berbanding Malaysia yang menjadi lebih maju dan terus akan maju, kata Perdana Menteri.

Katanya, negara ini maju kerana rakyat telah memilih kerajaan yang sentiasa memikirkan tentang kepentingan mereka bagi membangunkan negara ini.

"Hari ini kita berjumpa di sini dalam keadaan riang gembira, juga dalam keadaan aman dan tenteram, kita berjumpa dalam keadaan begini tenteram kerana negara kita adalah negara yang aman tidak seperti Kuwait, Iraq, Arab Saudi atau negara-negara Teluk lain," tegasnya.

Beliau menarik perhatian menjelang Hari Kemerdekaan negara 4 hari lagi walaupun Malaysia periduduknya terdiri daripada tiga kaum terbesar dan banyak suku-suku kaum seperti di Sarawak dan Sabah, tetapi keadaan negara ini aman dan 'kita telah berjaya' selaras tema tahun ini 'Berjaya'.

"Kita boleh pergi ke mana-mana, tidak berasa takut, tidak tertekan dan tidak ada penindasan, bebas hendak bercakap, bebas hendak mengeluarkan surat khabar, bebas hendak berhimpun dan bebas segala-galanya," tambah Pengerusi Barisan Nasional itu.

Setengah negara lain pula, walaupun telah mencapai kemerdekaan mereka sering bermusuhan, selalu ada rusuhan kaum, mereka hidup dalam ketakutan, tidak ada rapat-rapat umum dan mereka juga tidak hidup senang lenang.

Sebagai contoh, di Afrika Selatan, bukan saja orang-orang kulit hitam menyerang orang-orang

kulit putih, tetapi ada pula kulit hitam menyerang sesama kulit hitam.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, Malaysia juga maju kerana dasar-dasar kerajaan Barisan Nasional yang membangunkan negara seperti dasar perindustrian.

"Sebab itu, dengan adanya dasar perindustrian hari ini banyak peluang pekerjaan diwujudkan melalui kewujudan banyak industri di negara ini yang mana sehingga sekarang ini bukan pekerja mencari kerja, tapi kerja mencari pekerja," katanya.

Masalah peribadi

Beliau berkata, memang benar bila diadakan pilihanraya tujuannya memberi peluang kepada rakyat untuk memilih kerajaan dan mereka boleh memilih sesiapa saja menjadi wakil rakyat atau kerajaan, tetapi, tidak semestinya memilih orang yang hanya ingin menjadi wakil rakyat atau kerajaan semata-mata.

Kata Dato' Sri Dr. Mahathir, ini kerana mereka tidak ada matlamat tertentu sebagai contoh Pas — apakah matlamat parti itu.

Pas menyatakan bahawa mereka kononnya bercita-cita untuk menegakkan sebuah negara Islam dan mereka sendiri membuat pengakuan bahawa mereka tidak akan berjaya tanpa bantuan daripada pihak-pihak lain terutama orang-orang yang bukan Islam.

Oleh sebab itu, pada pilihanraya 1986, mereka merancang dengan sekumpulan pertubuhan Cina

yang dipanggil 'CCC' yang dianggap ekstrim menyebabkan mereka hanya memenangi satu kerusi Parlimen dalam pilihanraya itu.

"Mereka masih terus hendak mendapatkan kongon orang-orang bukan Islam dengan belajarnya dengan DAP sekarang melalui pemimpin Semangat 46, Tengku Razaleigh sedangkan parti itu tidak menyokong sebuah negara Islam yang menjadi impian Pas seperti yang ditegaskan oleh Encik Karpal Singh," katanya.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, ahli-ahlinya tidak ramai cuma 500 orang sahaja dan kaliberlawan dengan UMNO dalam pilihanraya akan datang sudah tentu kalah teruk.

Atas kesedaran tersebut, pemimpin Semangat 46, Tengku Razaleigh telah bekerjasama dengan Pas dan DAP kerana dia tahu UMNO majoritinya adalah orang-orang Melayu.

"Orang-orang yang kecewa saja yang masuk Parti 46, mereka semua ada masalah peribadi kadang-kadang kerana tidak dipilih sebagai calon, kadang-kadang fasal hutang, sebab itu mereka masuk Parti 46 yang dipimpin oleh Tengku Razaleigh yang menjanjikan bahawa semua masalah mereka akan selesai," dedahnya.

Beliau berkata, pemimpin-pemimpin Semangat 46 mendakwa kononnya mereka mempunyai semangat UMNO asal seperti mula-mula ditubuhkan dalam tahun 1946, tapi mana ada Semangat 46 yang mengizinkan bekerjasama dengan parti-parti yang pernah membawa kecaman kepada UMNO dulu yang didokong oleh orang-orang Melayu.